

Ucap utama PM diberi sokongan kuat

KUALA LUMPUR 27 Jun — Ucap utama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada Persidangan Menteri-Menteri Luar Islam (ICFM) hari ini dicadang supaya dijadikan salah satu asas pergerakan negara-negara Islam pada masa depan.

Pengerusi ICFM ke-27, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, kebanyakan kenyataan oleh wakil negara anggota memberi sambutan amat kuat kepada ucapan Perdana Menteri itu yang banyak menyentuh mengenai cabaran negara-negara Islam dalam menghadapi globalisasi.

“Mereka menganggap ucapan Perdana Menteri sangat bernas dan mempunyai mesej yang jelas untuk menentukan perpaduan umat Islam agar dapat kembali dihormati dan disanjung tinggi,” katanya kepada pemberita selepas sesi tertutup ICFM di sini petang ini.

UM 28 JUN 2000